



**MALAYSIA
MADANI**

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

BULETIN INSTUN



Menarik di Dalam!

**Lawatan Sekolah Kebangsaan Kerling, Hulu Selangor ke
Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO) INSTUN**

Program Jom Sihat @ INSTUN

**Kunjungan Hormat daripada Delegasi Akademi
Audit Negara (AAN) ke INSTUN**

eISSN 3120-3302



DIS 2025



www.instun.gov.my



Institut Tanah dan Ukur Negara



[instun_official](https://www.instagram.com/instun_official)



[INSTUN_OFFICIAL](https://twitter.com/INSTUN_OFFICIAL)



[instun](https://www.tiktok.com/instun)



[INSTUN ACADEMY](https://www.youtube.com/INSTUN_ACADEMY)

HAKCIPTA TERPELIHARA

**@ Institut Tanah dan Ukur Negara
Terbitan 2025**

Tiada mana-mana bahagian daripada buletin ini yang boleh disiarkan-terbitkan semula dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun termasuklah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Buletin INSTUN diterbitkan secara bulanan dalam format digital.

Diterbitkan oleh

Institut Tanah & Ukur Negara (INSTUN)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
35950 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan

No. Tel : 05-448 7000
No. Fax : 05-448 7011
Laman sesawang : www.instun.gov.my



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK JACOB RAJU A/L JAYADURAI

KETUA EDITOR
CIK NORIMAH BINTI WAHAB

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHD SHAHERI BIN MOHD NAZERI

SIDANG EDITOR
UKP BPP
UKP BPPT
UKP BUP
UKP BTM
UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat Allah s.w.t, buletin INSTUN 2025 bagi bulan Disember telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti- aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Disember. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelarar yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelarar buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

NORIMAH BINTI WAHAB

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)

Lawatan Sekolah Kebangsaan Kerling, Hulu Selangor ke Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO) INSTUNI 1

Program Cerapan Langit Malam Hujan Meteor Sempena Karnival Geomatik Sains, Teknologi dan Inovasi Madani 2025 2

Mesyuarat Jaringan Kerjasama Strategik Balai Cerap Kebangsaan Bil. 1/2025 3

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik INSTUN 2025 – 2030 Fasa Kedua 4

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK)

Kunjungan Hormat daripada Delegasi Akademi Audit Negara (AAN) ke INSTUN 5-6

Penyertaan Pameran sempena Karnival Muallim F.A.M.E 7-8

Penyertaan Pameran Karnival Alam Sekitar UPSI 2025 9

Lawatan Penandaarasan Institut Tanah Dan Ukur Negara (Instun) ke Pejabat Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Cameron Highlands, Pahang 10-11

Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP)

Lawatan Sekolah Kebangsaan Kerling, Hulu Selangor ke Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO) INSTUN

TARIKH : 10 Disember 2025 (Rabu)

TEMPAT : Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Tujuan: Bagi memberi pendedahan kepada hadirin di Majlis Apresiasi Murid Tahun 6 2025 SK Kerling tentang fungsi dan aktiviti balai cerap INSTUN.

Penglibatan: Ketua Program Geodetik, Penolong Ketua Program serta Penyelaras di Unit Astronomi, Bahagian Ukur dan Pemetaan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) juga guru dan hadirin Majlis Apresiasi Murid Tahun 6 2025 SK Kerling.

Unit Astronomi INSTUN telah menerima kunjungan daripada guru dan hadirin daripada SK Kerling sempena Majlis Apresiasi Murid Tahun 6 2025 SK Kerling yang diadakan di Auditorium INSTUN. Sebagai pengisian tambahan, mereka dibawa ke TSHO INSTUN bagi merasai peluang melakukan aktiviti cerapan matahari dan mengenali balai cerap INSTUN itu sendiri.

Di dalam program ini, wakil daripada Unit Astronomi INSTUN telah memberikan taklimat dan penerangan berkaitan balai cerap dan aktiviti yang dilaksanakan di sini disamping berkongsi sedikit maklumat berkaitan sistem suria yang berada jauh di angkasa. Kunjungan ringkas ini amat bermakna untuk guru-guru, ibu bapa serta pelajar yang terlibat sebagai suatu perkongsian yang jarang untuk diperolehi.

Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN merakamkan penghargaan kepada semua pengunjung daripada SK Kerling di atas kesudian menyerikan suasana di balai cerap INSTUN di penghujung tahun 2025 yang bakal berakhir tidak lama lagi. Jumpa lagi dan selamat maju jaya.



BUP

Program Cerapan Langit Malam Hujan Meteor Sempena Karnival Geomatik Sains, Teknologi dan Inovasi Madani 2025

TARIKH : 13-14 Disember 2025 (Sabtu-Ahad)

TEMPAT : Padang Kawad Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis

**RINGKASAN
PROGRAM** :


Tujuan: Bagi berkongsi pengalaman menyaksikan objek malam bersama pengunjung di program yang dianjurkan oleh UiTM Perlis.

Penglibatan: Penolong Ketua Program serta Penyelaras Kanan dan Penyelaras di Unit Astronomi, Bahagian Ukur dan Pemetaan, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) juga pengunjung yang hadir di Karnival Geomatik Sains, Teknologi dan Inovasi MADANI 2025.

Unit Astronomi INSTUN telah menerima jemputan untuk bersama-sama dengan pengunjung di karnival yang dianjurkan di Padang kawad UiTM Perlis dengan mendirikan teleskop dan memberikan peluang kepada mereka untuk menyaksikan objek malam menggunakan peralatan ini. Turut sama mendirikan teleskop adalah pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Perlis (JUPEM Perlis).

Objek malam dapat disaksikan selepas jam 12.00 tengah malam kerana ruang udara ketika itu mula terhindar daripada awan. Suasana menjadi meriah apabila lintasan meteor yang bertalu-talu turut melintasi atmosfera bumi serta dihiasi dengan jutaan cahaya bintang di angkasa. Pengunjung begitu teruja apabila mereka dapat menyaksikan planet Musytari menggunakan teleskop yang disediakan di karnival berkenaan.

Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN merakamkan penghargaan kepada semua pengunjung dan pihak UiTM Perlis di atas kemeriahan dan jemputan di penghujung tahun 2025. Semoga semua yang hadir di karnival ini memperoleh kepuasan dan kegembiraan.



BUP

Mesyuarat Jaringan Kerjasama Strategik Balai Cerap Kebangsaan Bil. 1/2025

TARIKH : 23 Disember 2025

TEMPAT : Bilik Bunga Raya, Agensi Angkasa Malaysia

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Mesyuarat yang diadakan secara fizikal dan dalam talian ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Gs. Haji Azlikamil bin Napiah. Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan YBr. Encik Amran bin Awaludin, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mesyuarat ini merupakan salah satu ruang diskusi dan perbincangan untuk setiap anggota daripada balai cerap di Malaysia bagi memantapkan lagi hala tuju serta kepentingan institusi ini dalam mengupayakan pengetahuan berkaitan astronomi terutamanya kepada masyarakat umum.

Diharapkan segala perancangan dan sinergi semua balai cerap serta daripada pihak Planetarium Negara juga Institusi Pengajian Tinggi ini akan memberikan manfaat yang bernilai kepada semua.



Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Program Jom Sihat @ INSTUN

TARIKH : Sepanjang bulan Disember 2025

TEMPAT : Perkarangan INSTUN

PENGLIBATAN : Kakitangan INSTUN

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Program Jom Sihat @ INSTUN bagi bulan September telah dilaksanakan pada 3, 10, 17, 24 dan 31 Disember 2025. Program dimulakan pada jam 7.45 pagi dengan senaman ringkas, kemudian peserta boleh melaksanakan aktiviti sukan masing-masing seperti *briswalk*, berbasikal, bersenam di gimnasium, bermain badminton, tenis dan bola tampar.



Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK)

Kunjungan Hormat daripada Delegasi Akademi Audit Negara (AAN) ke INSTUN

TARIKH : 1 Disember 2025

TEMPAT : Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

**RINGKASAN
PROGRAM** :

1 Disember 2025, Tanjung Malim - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Akademi Audit Negara (AAN) yang diketuai oleh Pengarah AAN, YBrs. Puan Baridatul Anita binti Bidin, bersama enam orang pegawai AAN pada 1 Disember 2025.

Ketibaan delegasi telah disambut oleh Pengarah INSTUN, YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, ketua-ketua bahagian, serta wakil kakitangan daripada pelbagai bahagian INSTUN. Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat serta perbincangan dua hala yang memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama, termasuk, fasiliti , pengurusan dan pelaksanaan kursus serta penerbitan bahan ilmiah.

Dalam sesi kunjungan hormat itu juga, delegasi AAN turut dibawa melawat ke fasiliti utama INSTUN, antaranya Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), Smart Classroom Inspire dan Studio MyINSTUN. INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan dan komitmen AAN dalam memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi.





BPK

Penyertaan Pameran sempena Karnival Muallim F.A.M.E

TARIKH : 13 Disember 2025

TEMPAT : Padang SMKA Slim River

RINGKASAN PROGRAM :

13 Disember 2025, Slim River- INSTUN berbesar hati menyertai Karnival Muallim F.A.M.E yang telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Padang SMKA Slim River, anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Muallim.

Penyertaan INSTUN dalam program ini bertujuan memperkenalkan peranan, fungsi serta penawaran latihan dan kursus dalam bidang tanah, ukur, dan pemetaan.

Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN turut tidak melepaskan peluang bersama-sama memberi sokongan kepada petugas reruai INSTUN di samping beramah mesra bersama pengunjung yang singgah di di reruai INSTUN.

Reruai INSTUN turut diserikan dengan kunjungan YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Perak yang sudi meluangkan masa singgah ke reruai INSTUN. Turut hadir pada program tersebut ialah YB Pn. Salina binti Samsudin, ADUN Behrang. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan yang diberikan.

Semoga penganjuran program seumpama ini dapat terus mengeratkan kerjasama antara agensi kerajaan dan komuniti setempat.





BPK

Penyertaan Pameran Karnival Alam Sekitar UPSI 2025

TARIKH : 13 Disember 2025

TEMPAT : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

**RINGKASAN
PROGRAM** :

13 Disember 2025, Tanjung Malim- INSTUN berbesar hati menyertai Karnival Hari Alam Sekitar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tahun 2025 yang telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Penyertaan INSTUN dalam karnival ini disertai oleh kakitangan INSTUN yang terdiri daripada wakil dari Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

Reruai INSTUN turut diserikan dengan kunjungan YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang sudi meluangkan masa singgah ke reruai INSTUN. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan yang diberikan.



BPK

Lawatan Penandaarasan Institut Tanah Dan Ukur Negara (Instun) ke Pejabat Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Cameron Highlands, Pahang

TARIKH : 10 Disember 2025

TEMPAT : Pejabat Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Cameron Highlands, Pahang

**RINGKASAN
PROGRAM** :

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) melalui Seksyen Pentadbiran telah menganjurkan Lawatan Penandaarasan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) ke Pejabat Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Cameron Highlands, Pahang. Sesi lawatan ini melibatkan delegasi INSTUN seramai 28 orang diketuai oleh Pengarah INSTUN iaitu Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pendaftar iaitu Puan Wan Nadirah binti Wan Yaheya, Unit Pengurusan Aset, Stor dan Kenderaan (UPASK), Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) dan Unit Khidmat Pengurusan (Sivil) Seksyen Pentadbiran dan Unit Pembangunan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada para pegawai dan kakitangan INSTUN tentang pemeliharaan, pembaikan dan naiktaraf cerun serta pelan tindakan bagi mengatasi isu berkenaan tanah runtuh. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Ir. Ts. Hasni bin Zainudin, Jurutera Jalan JKR Cameron Highlands, Pahang.

Sepanjang lawatan tersebut, delegasi INSTUN berpeluang mendengar dan mempelajari pengalaman serta ilmu baharu berkenaan pembaikan dan pemuliharaan cerun dan jalan Cameron Highlands yang telah dikongsikan oleh Jurutera Jalan sepanjang beliau berkhidmat selama dua tahun di Cameron Highlands. Selepas ucapan aluan Jurutera Jalan dan taklimat penandaarasan tentang pembaikan cerun dan jalanraya, delegasi diberi peluang bertanyakan soalan berkenaan kaedah gerak kerja, isu-isu yang menjadi persoalan runtuh cerun, langkah pemuliharaan cerun dan pembaikan cerun di INSTUN.

Lawatan diakhiri dengan sesi bertukar cenderahati dan bergambar oleh delegasi INSTUN bersama Jurutera Jalan JKR Cameron Highlands Pahang. Syabas diucapkan kepada pihak INSTUN atas penganjuran lawatan tersebut dan terima kasih kepada pihak JKR Cameron Highlands yang sudi menerima kehadiran pihak INSTUN dan berkongsi ilmu dalam bidang pengurusan cerun.





BULETIN INSTUN

Rekabentuk oleh :
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Behrang Ulu, 35950 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05 - 454 2825 Faks : 05 - 454 2837
www.instun.gov.my

eISSN 3120-3302



9 773120 330005